

PM arah henti bincang siasatan Musa, Zulkifli

BH-29/1/2007

Dakwaan babit KPN, bekas Ketua Pengarah BPR sudah ditutup

Oleh Ahmad Ghazali Musa dan Faiza Zainudin

KUANTAN: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi tidak mahu isu membabitkan Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Hassan dan bekas Ketua Pengarah Badan Pencegah Rasuah (BPR), Datuk Seri Zulkifli Mat Noor diungkit lagi, kerana kes rasuah dan jenayah membabitkan mereka sudah ditutup.

Sambil melahirkan rasa lega dan bersyukur terhadap keputusan itu, Perdana Menteri berkata, perkara itu tidak seharusnya dibangkitkan lagi kerana Peguam Negara, Tan Sri Abdul Gani Patail sudah mengarahkan siasatan terhadap kedua-duanya ditutup.

"Saya rasa lega kerana kedua-dua mereka (Tan Sri Musa Hassan dan Datuk Seri Zulkifli Mat Noor) dibebaskan daripada tuduhan rasuah dan penyalahgunaan kuasa. Apabila keluarnya berita mengenai mereka, kedua-duanya datang jumpa dan beritahu saya mereka sedia beri kerjasama dan maklumat atas siasatan ke atas mereka.

"Tindakan itu membolehkan siasatan BPR ke atas Tan Sri Musa Hassan apabila ada laporan mengenai dakwaan (rasuah terhadapnya) dia terus saja serahkan perkara itu kepada BPR.

"Dia tak minta polis buat siasatan terhadapnya... dia beritahu kalau polis buat nanti polis tak kerja betul. Saya kata itulah pendirian yang baik, serah kepada BPR dan apa juga keputusannya kena terima kemudian.


"Saya rasa bersyukur apabila kedua-dua mereka dibebaskan sekali gus mengesahkan dakwaan rasuah terhadap mereka tak betul," katanya pada sidang media di Hotel Hyatt Regency di sini, semalam.

Pejabat Peguam Negara dalam kenyataannya kelmarin, mengarahkan siasatan BPR terhadap dakwaan Tan Sri Musa Hassan menerima rasuah RM2 juta bagi membebaskan tiga tahanan Ordinan Darurat ditutup.

Pada masa sama, Pejabat Peguam Negara juga mendapati Datuk Seri Zulkifli Mat Noor tidak melakukan sebarang kesalahan jenayah sama ada dari segi amalan, perlakuan mahu pun penyalahgunaan kuasa.

Mengenai saranan pelbagai pihak supaya jawatan Hakim Besar Malaya diisi segera, Perdana Menteri berkata: "Tanya kepada Ketua Hakim Negara. Saya sudah mencadangkan nama untuk dipilih ke jawatan berkenaan."

Presiden Majlis Peguam Malaysia,



PASTI ENAK: Abdullah melihat kari ikan yang dimasak oleh usahawan wanita sambil diperhatikan oleh Jeanne ketika melawat gerai pameran selepas melancarkan Karnival Usahawan Wanita Pulau Pinang di Kompleks Sukan Balik Pulau di Pulau Pinang, semalam.

Ambiga Sreenevasan, dilaporkan berkata, kerajaan sepatutnya sudah mempunyai calon untuk jawatan Hakim Besar Malaya selepas dikosongkan Tan Sri Siti Norma Yaakob yang bersara 5 Januari lalu kerana membiarkan jawatan itu kosong selama tujuh bulan agak terlalu lama.

Sementara itu, beliau berkata, belum menerima laporan daripada Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop berhubung bayaran bonus kepada kakitangan awam.

Beliau berkata, kerajaan perlu melihat kemampuannya terlebih dulu sebelum pemberian bonus kepada kakitangan awam diputuskan.

Mengenai tarikh pilihan raya umum ke-12 yang sibuk diperkatakan kini, Perdana Menteri berkata, beliau masih tiada ilham.

"Biarlah apa orang nak cakap (mengenai tarikh pilihan raya). Apa salahnya. Seronok juga dengar macam cerita. Bila datang pilihan raya macam-macam timbul," katanya.

Ketika diminta mengulas penarikan diri Menteri Kebudayaan, Ke-

“Saya rasa bersyukur apabila kedua-dua mereka dibebaskan sekali gus mengesahkan dakwaan rasuah terhadap mereka tak betul”

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

senian dan Warisan, Datuk Seri Dr Rais Yatim daripada dicalonkan sebagai Setiausaha Agung Komanwel, Abdullah berkata, Dr Rais sudah memaklumkan perkara itu kepada beliau.

"Dia dah cakap kat saya, dia tak nak jawatan itu, cuma dia buat pengumuman cepat, biarlah nanti saya tanya dia," katanya.

Sementara itu di GEORGETOWN,

ketika berucap merasmikan Karnival Usahawan Wanita Pulau Pinang anjuran Badan Perhubungan dan Pergerakan Wanita Umno negeri di Kompleks Sukan Balik Pulau, semalam, Abdullah berkata, usahawan wanita perlu komited memajukan perniagaan mereka, tidak sekadar hangat-hangat tahi ayam kerana bidang itu tidak menentu dan mempunyai pasang surut.

Katanya, usahawan wanita jangan hanya berusaha bersungguh-sungguh pada peringkat awal tetapi mesti berterusan jika mahukan kejayaan.

Abdullah berkata, sikap usahawan wanita yang lebih tekun dan sabar dalam mengusahakan perniagaan menjadikan mereka golongan paling mampu membayar semula pinjaman Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (Tekun) berbanding usahawan lelaki.

"Wanita biasanya tidak ada masalah membayar balik hutang Tekun sebab perniagaan mereka maju, mereka ada untung dan mudah bayar pinjaman," katanya.

BERNAMA